Menurut Wittmann *et al.* (2006) zirkon merupakan mineral yang mempunyai kerintangan yang tinggi terhadap tekanan dan haba. Oleh itu zirkon boleh memulihara bukti kesan impak yang berlaku pada suatu masa dahulu. Zirkon ini dipanggil zirkon impak. Zirkon impak mempunyai beberapa ciri utama iaitu dengan kehadiran mikrostruktur seperti retakan planar (PF) dan lamela berselang seli (PDF), tekstur granular dan kehadiran mineral reidit (Wittmann *et al.*, 2006). Zirkon impak boleh digunakan untuk menentukan pentarikhkan sesuatu usia impak meteorit. Zirkon mempunyai isotop U yang akan terurai kepada Pb di mana salah satu daripada isotop Pb iaitu ^{204}Pb merupakan isotop yang tiada induk radioaktif dan kelimpahannya di dalam kerak bumi ialah tiada perubahan berkadar dengan masa kecuali akibat hentaman meteorit. Sistem isotop menyediakan satu rangka geokronologi U-Th-Pb dengan menggunakan U- dan Th- di dalam mineral yang mana zirkon merupakan mineral yang lazim digunakan kerana kehadirannya yang banyak di dalam batuan yang membentuk kerak bumi (Parrish & Noble, 2003).

1.4 Kajian terdahulu

Terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan di Bukit Bunuh. Kajian ini melibatkan kajian arkeologi dan geologi. Kajian arkeologi dan geologi ini bermula sejak tahun 2001 hingga kini.

1.4.1 Kajian arkeologi di Bukit Bunuh


Bukit Bunuh merupakan tapak arkeogeologi yang menyumbang bukti baru kepada data arkeologi dan geologi di Malaysia. Tapak ini dikenali kerana telah mendedahkan bukti tapak impak meteorit yang berusia Kuaterner dan tapak Paleolitik yang tertua di Asia Tenggara (Mokhtar, 2010; Nor Khairunnisa *et al.*, 2016). Oleh kerana keistimewaan ini Bukit Bunuh telah disenaraikan sebagai salah satu tapak warisan dunia UNESCO di Lenggong pada 30 Julai 2012 (Mokhtar, 2012a).

Bukit Bunuh telah ditemui pada tahun 2001 melalui projek khas pemetaan tapak-tapak arkeologi baru dan pemetaan paleoalam di sekitar kawasan Lenggong (Mokhtar, 2006; Mokhtar & Jeffrey, 2007). Bukit Bunuh merupakan tapak Paleolitik terbuka yang keluasannya mencapai tiga kilometer persegi. Berdasarkan kajian paleoalam, telah didapati kelikir di Bukit Bunuh bercampur dengan pebel dan kobel batuan suevit iaitu sejenis batuan yang terbentuk akibat daripada hentaman meteorit (Mokhtar & Jeffrey, 2007; Mokhtar, 2012a). Menurut Mokhtar (2010) Bukit Bunuh merupakan sebahagian daripada kawah impak meteorit yang berusia 1.83 juta tahun dahulu. Usia ini diperolehi dengan melakukan pentarikhan terhadap sampel suevit yang mana terdapat jumpaan kapak genggam di dalam batuan tersebut. Analisis pentarikhan ini telah dilakukan pada tahun 2008 dengan menggunakan teknik Kesan

Belahan (*Fission Track*, FT) di Makmal Geokronologi Jepun (*Japan Geochronology Lab*) (Mokhtar, 2010).

Pentarikhan dan jumpaan alat batu seperti kapak genggam di dalam batuan suevit telah menunjukkan bahawa terdapat manusia awal yang telah mendiami kawasan Bukit Bunuh sebelum 1.83 juta tahun dahulu (Mokhtar, 2010). Masyarakat Paleolitik di Bukit Bunuh telah menggunakan kawasan ini kerana mempunyai banyak sumber batuan sebagai bahan mentah untuk membuat alat batu termasuk batuan suevit (Mokhtar, 2012a). Oleh itu, Bukit Bunuh telah dikenal pasti sebagai tapak terbuka Paleolitik yang tertua di Lembah Lenggong khususnya dan di Asia Tenggara umumnya. Hal ini menunjukkan terdapat hubungan yang jelas antara jumpaan bukti arkeologi dan geologi di Bukit Bunuh (Mokhtar, 2012a).

Kajian arkeologi di Bukit Bunuh juga melibatkan ekskavasi selain daripada survei dan pemetaan bagi tapak terbuka tersebut. Ekskavasi ini telah dilakukan secara berperingkat iaitu bermula pada tahun 2001 dan 2003 dan diteruskan pada tahun 2008 sehingga 2010 (Rajah 1.2). Terdapat dua cara jumpaan artifak di Bukit Bunuh iaitu secara jumpaan permukaan yang melibat survei yang bermula pada tahun 2001 dan secara *in-situ* yang melibatkan ekskavasi yang juga bermula pada tahun 2001. Survei awal untuk melakukan pemetaan paleoalam di Bukit Bunuh telah menemukan ribuan artifak di permukaan kawasan kajian yang mana berasosiasi dengan bongkah-bongkah yang dianggap batuan volkanik pada mulanya. Hal ini telah memaksa ahli arkeologi supaya melakukan ekskavasi untuk mendapatkan maklumat atau data tapak secara *in-situ* (Mokhtar, 2004).



Rajah 1.3: Ekskavasi yang telah dijalankan di Bukit Bunuh (selepas Mokhtar, 2004; Nor Khairunnisa, 2013; Nur Asikin 2013).

Menurut Mokhtar (2004) ekskavasi pada tahun 2001 dan 2003 telah dijalankan pada bahagian selatan Bukit Bunuh. Ekskavasi pada tahun 2001 telah dilakukan untuk menentukan wujudnya lapisan kebudayaan *in-situ* di Bukit Bunuh. Terdapat tujuh petak bersaiz satu meter persegi telah diekskavasi yang mana ekskavasi ini telah dibantu oleh pelajar minor arkeologi USM, sesi 2001 (Mokhtar, 2004; Nur Asikin, 2013). Ekskavasi pada tahun 2003 pula melibatkan 17 petak yang setiap satunya bersaiz satu meter persegi. Hasil ekskavasi telah mendedahkan bahawa Bukit Bunuh merupakan tapak terbuka yang *in-situ*. Tapak ini berfungsi sebagai bengkel pembuatan alat batu berdasarkan asosiasi jenis artifak yang telah ditemui iaitu batu pelandas, batu pemukul, batu teras, alat repehan, alat pebel dan sisa kerja. Pentarikhan mutlak telah dilakukan pada salah satu lapisan budaya petak D2 pada tapak ini dan telah memberi

usia $39,000 \pm 2,600$ ($\sim 40,000$) tahun dahulu dengan menggunakan kaedah OSL (Mokhtar, 2004; 2006; Nur Asikin, 2013; Nor Khairunnisa, 2016).

Ekskavasi yang berikutnya pula telah dijalankan pada tahun 2008 sehingga 2010 di bahagian barat Bukit Bunuh. Ekskavasi ini dilakukan untuk mengetahui hubungan teknologi pembuatan alat batu dengan bahan mentah yang digunakan. Hasil ekskavasi ini juga telah mendedahkan tapak Bukit Bunuh sebagai bengkel pembuatan alat batu berdasarkan asosiasi alat batu yang telah ditemui seperti batu pelandas, batu teras, batu pemukul, alat repehan, alat ketulan, alat pebel dan puingan. Teknik pentarikhan OSL telah digunakan untuk menentukan usia lapisan kebudayaan pada tapak ekskavasi ini. Pentarikhan ini dilakukan pada sampel tanah daripada petak ekskavasi yang mana telah dianalisis di *Korea Basic Science Lab*, Seoul, Korea Selatan dan memberi usia $270,000 - 320,000$ dan $490,000 - 550,000$ tahun dahulu (Nor Khairunnisa, 2013; 2016).

Terdapat jumpaan sebuah lagi tapak pada teres pengendapan di bahagian barat daya Bukit Bunuh. Jumpaan tapak ini telah mendedahkan bukti penemuan artifak yang *in-situ*, tetapi masih belum diekskavasi. Pentarikhan dengan kaedah OSL telah dilakukan pada lapisan kebudayaan teres pengendapan ini dan memberi usia 30,000 tahun dahulu (Nor Khairunnisa, 2013). Ini menunjukkan bahawa tapak tersebut merupakan tapak Paleolitik Akhir yang kedua selepas tapak 40,000 tahun dahulu di Bukit Bunuh yang mana kehidupan masyarakat Paleolitiknya adalah pada persekitaran terbuka di sekitar sungai dan tasik (Nur Asikin, 2013).

Ekskavasi yang telah dijalankan di Bukit Bunuh bagi tahun 2001 dan 2003 serta pada tahun 2008 hingga 2010 menunjukkan jumpaan alat batu dan bahan mentah untuk industri pembuatan alat batu adalah daripada jenis sama. Artifak batu yang dijumpai terdiri daripada batu pelandas, batu teras, batu pemukul, alat repehan, alat ketulan, alat pebel dan puingan. Bahan mentah yang digunakan untuk pembuatan alat batu ini pula terdiri daripada metakuarza, metakuarzit, metasedimen kerijangan dan suevit. Hal ini menunjukkan kedua-dua tapak ini telah digunakan oleh manusia awal selepas berlakunya hentaman meteorit pada 1.83 juta tahun dahulu. Namun di tapak Bukit Bunuh 2001 dan 2003 bahan mentah tersebut boleh wujud sebagai pebel sungai kerana tapak ini telah ditafsirkan sebagai kawasan sungai kuno pada suatu masa dahulu (Mokhtar, 2004; 2006; Nor Khairunnisa, 2013; 2016; Nur Asikin, 2013).

Berdasarkan data pentarikan yang telah dilakukan di Bukit Bunuh iaitu daripada 1.83 juta tahun dahulu sehingga 30,000 tahun dahulu menunjukkan bahawa terdapatnya kehidupan manusia awal sepanjang tempoh masa tersebut. Kehidupan masyarakat Paleolitik ini bermula daripada sebelum berlakunya impak meteorit iaitu 1.83 juta tahun dahulu, diikuti dengan 550,000 tahun dahulu, 270,000 tahun dahulu, 40,000 tahun dahulu serta 30,000 tahun dahulu. Ini menunjukkan terdapatnya bukti kronologi zaman Paleolitik yang agak lengkap iaitu daripada zaman Paleolitik Awal, Pertengahan dan Akhir di Bukit Bunuh. Bukit Bunuh juga merupakan satu-satunya tapak di dunia yang mendedahkan bukti masyarakat Paleolitiknya menggunakan batuan impaktit sebagai bahan mentah di dalam industri pembuatan alat batu. Sehingga kini tiada rekod yang menunjukkan penggunaan batuan impaktit sebagai alat batu bagi masyarakat Paleolitik kecuali tekit di seluruh dunia (Nor Khairunnisa, 2013; 2016; Nur Asikin 2013).

1.4.2 Kajian geologi di Bukit Bunuh

Kajian geologi di Lembah Lenggong bermula dengan kajian stratigrafi oleh Jones (1970) di kawasan Gerik dan Hulu Perak. Jones (1970) secara umumnya menyatakan kawasan Hulu Perak khususnya kawasan Lenggong terdiri daripada Formasi Kroh, Granit Bintang, Granit Titiwangsa dan enapan Kuaterner. Unit stratigrafi ini terdiri daripada batuan metamorf, igneus dan aluvium (Jones, 1970).

Kajian geologi di Bukit Bunuh telah dilakukan berdasarkan kriteria untuk menentukan sifat-sifat geologi bagi sesuatu struktur yang terbentuk akibat hentaman meteorit atau komet oleh Pusat Planetari dan Sains Angkasa (*Planetary and Space Science Centre, PASSC*), Universiti New Brunswick, Kanada. Kriteria-kriteria ini boleh dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu secara megaskopik (pandangan dari udara (*bird's eye*) / skala satelit), makroskopik (boleh dilihat dengan mata kasar) dan mikroskopik (perlu dilihat di bawah mikroskop). Terdapat enam kriteria utama yang telah disenaraikan oleh PASSC iaitu: (1) kehadiran kon pecah (*shatter cones*), (2) kehadiran PDF di dalam mineral pada litologi yang *in-situ*, (3) kehadiran mineral polimorf bertekanan tinggi, (4) kajian morfometri (kehadiran struktur kawah impak), (5) kehadiran batuan leburan impak dan suevit dan (6) kehadiran pseudotakilit dan breksia impak (Planetary and Space Science Centre, 2016(6)).


Tapak Bukit Bunuh telah ditemui oleh Mokhtar Saidin sejak 2001 semasa melakukan pemetaan batuan kelikir di kawasan tersebut. Menurut Mokhtar (2006) berdasarkan survei dan pemetaan didapati Bukit Bunuh merupakan sebahagian daripada bibir kawah yang terbentuk hasil daripada impak meteorit. Impak meteorit ini juga telah mendedahkan satu pembentukan formasi baru yang mempunyai ciri-ciri

pada umumnya seperti batuan volkano biasa. Namun didapati batuan ini berbeza daripada batuan volkano yang umum kerana batuan ini jauh lebih keras dan tumpat, mempunyai bukti berlaku proses peleburan semula dan terdapat pembentukan mikrostruktur impak. Batuan yang dikenali sebagai suevit ini telah terbentuk akibat daripada proses metamorfisme kejutan. Batuan ini bersifat breksia dengan kehadiran klasta yang bersudut dan mempunyai matrik yang halus (Mokhtar, 2006; Nur Asikin, 2013; Nor Khairunnisa, 2016).

1.4.2.1 Kawah Bukit Bunuh

Menurut Tjia (2003) terdapat tiga kawah impak meteorit di Malaysia yang telah dibuktikan iaitu Kawah Mahsuri di Langkawi (Kedah), Kawah Paloh (Pahang) dan kawah Bukit Bunuh, Lenggong (Perak) (Rajah 1.3). Melalui laporan oleh Mokhtar Saidin, ahli geoarkeologi Universiti Sains Malaysia (USM), pentarikhan terhadap batuan “agglomerat volkanik” di Bukit Bunuh telah memberikan usia 1.74 juta tahun dahulu melalui teknik pentarikhan FT di Makmal Geokronologi Jepun (Tjia, 2003).

Batuan agglomerat volkanik ini dipercayai batuan suevit bersifat breksia kerana mengandungi klasta daripada pecahan batuan yang bersaiz kecil sehingga besar yang mana terdiri daripada kuarza, kuarzit, syis, batuan igneus felsik dan beberapa jenis batuan yang belum dikenal pasti. Batuan megabreksia ini juga mempunyai jisim latar yang berwarna cerah yang seakan mewakili batuan tuf volkanik. Kajian melalui kaedah keratan rentas kuarza telah menunjukkan kehadiran struktur garisan selari retakan planar, padaman mozek dan terdapat beberapa set retakan (Tjia, 2003).



Rajah 1.4: Kawah impak meteorit di Malaysia yang telah dibuktikan (selepas Tjia, 2003).

Namun kawah Bukit Bunuh lebih istimewa berbanding kawah-kawah lain kerana ia mempunyai bukti kewujudan manusia awal iaitu dengan bukti jumpaan alat batu. Walaupun usia 1.74 juta tahun dahulu agak tua bagi kapak genggam di kawasan ini namun ia adalah tidak mustahil. Satu sampel suevit dengan jumpaan kapak genggam di dalamnya telah dihantar ke makmal yang sama iaitu Makmal Geokronologi Jepun untuk mengesahkan nilai usia tersebut. Pada 25 Disember 2008 hasil analisis pentarikhan ini telah dikeluarkan dan memberi usia 1.83 juta tahun dahulu (Mokhtar, 2012a). Oleh itu hentaman meteorit dipercayai telah berlaku pada

1.83 juta tahun dahulu iaitu di dalam kala masa Kuaterner yang menjadi punca kepada kepupusan masyarakat Paleolitik pada masa tersebut berdasarkan jumpaan alat batu di dalam suevit. Hal ini dipercayai berlaku ketika impak meteorit tersebut berlaku yang mana alat batu ini telah bergumpal dengan leburan batuan sasaran yang merupakan batuan asalan di sekitar kawasan kajian.

1.4.2.2 Geologi am

Menurut Kamal Roslan *et al.* (2012) kawasan Lenggong terdiri daripada kawasan lembah, kawasan morfologi karst dengan jumpaan banyak gua yang menjadi tempat perlindungan bagi masyarakat Paleolitik dan kawasan tanah tinggi yang dilitupi oleh hutan atau telah diterokai untuk penanaman kelapa sawit dan getah. Kawasan ini mempunyai beberapa jenis formasi batuan iaitu batuan igneus yang mempunyai taburan paling luas, diikuti batuan metasedimen yang terdiri daripada batuan kuarzit dan batu kapur, sedimen Kuaterner di sepanjang sungai serta endapan Tertier di bahagian utara kawasan Lenggong (Kamal Roslan *et al.*, 2012).

Batu tertua di kawasan ini terdiri daripada jujukan batuan metasedimen yang dikenali sebagai Formasi Kroh daripada Kumpulan Baling. Kebanyakan batuan di dalam formasi ini terdiri daripada batu kapur yang telah termetamorf membentuk marmar. Formasi Kroh juga mengandungi batuan lain seperti batuan kuarzit dan struktur selang lapis batuan arenit / argilit. Batuan metasedimen ini telah dikelilingi oleh batuan granit yang menyebabkan batuan Formasi Kroh di kawasan Lenggong ini membentuk struktur sisa bumbung di atas jasad batuan Granit Bintang. Jenis batuan

yang paling lazim yang membentuk Granit Bintang ialah granit adamellit forfiritik berbutir kasar dan granit biotit berbutir sederhana (Kamal Roslan *et al.*, 2012; Nor Khairunnisa, 2013; Nur Asikin, 2013).

Struktur sedimen seperti perlapisan silang, perlapisan selari dan struktur palung mencadangkan bahawa proses pemendapan ini berlaku di persekitaran sungai. Taburan sedimen Kuaterner pula kebanyakannya terdapat di sepanjang Sungai Perak. Terdapat dua jenis sedimen Kuaterner yang ditemui di kawasan Lenggong iaitu endapan aluvium dan debu volkanik yang dikenali sebagai debu Toba yang memberi usia pentarikhan 75,000 tahun dahulu (Kamal Roslan *et al.*, 2012). Kajian pentarikhan terbaru terhadap debu Toba di Lenggong telah memberikan usia 73.88 ± 0.32 ribu tahun dahulu (Storey *et al.*, 2012).

Menurut Kamal Roslan *et al.* (2012) kawasan Bukit Bunuh terdiri daripada bongkah batuan suevit, leburan impak, breksia impak polimik dan granit impak serta batuan metasedimen. Pembentukan pelbagai jenis batuan oleh proses peleburan semula ini telah mencadangkan bahawa Bukit Bunuh pernah dihentam oleh meteorit dan membentuk unit stratigrafi baru yang dikenali sebagai Kompleks Bukit Bunuh yang telah memberi usia 1.83 juta tahun dahulu (Kamal Roslan *et al.*, 2012; Nor Khairunnisa, 2013; Nur Asikin, 2013) (Rajah 1.4).

| USIA | ZAMAN | TURUS STRATIGRAFI | | | HURAIAN |
|-------|-----------|-------------------|--------|----------------|--|
| | | sedimen | igneus | kompleks | |
| 0 | KUATERNER | | | | Pengendapan sedimen di dalam lembangan Sungai Perak Letusan gunung berapi Toba |
| 2.6 | | | | | Hentaman meteorit membentuk batuan impaktit - batuan leburan impak, suevit, breksia polimik litik |
| 65.5 | | | | | |
| 145.5 | | | | | |
| 201.0 | | | | | |
| 251.0 | | | | Granit Bintang | Intrusi granit dan proses metamorfisme pertembungan Jalur Barat dan Jalur Timur Semenanjung Malaysia Pengangkatan Semenanjung Malaysia (Bajaran Bintang dan Banjaran Titiwangsa) |
| 299.0 | | | | | |
| 359.0 | | | | | |
| 416.0 | | | | | |
| 444.0 | | | | Formasi Kroh | Pengendapan sedimen laut cetek Formasi Kroh terdiri daripada batuan metaargilit, metaarenit dan batu kapur atau marmar |
| 488.0 | | | | | |
| 540.0 | KAMBRIA | | | | |
| | ORDOVISI | | | | |
| | SILUR | | | | |
| | DEVON | | | | |
| | KARBON | | | | |
| | TRIAS | | | | |
| | JURA | | | | |
| | KAPUR | | | | |
| | TERTIER | | | | |
| | KUATERNER | | | | |

Rajah 1.5: Stratigrafi kawasan Lenggong (selepas Kamal Roslan *et al.*, 2012; Nor Khairunnissa, 2013; Nur Asikin, 2013).

1.4.2.3 Analisis petrografi dan mikroskop elektron imbasan (SEM)

Kajian petrografi telah dilakukan terhadap batuan dan mineral yang dijumpai di Bukit Bunuh. Terdapat beberapa jenis batuan impak yang boleh ditemui iaitu batuan leburan impak, suevit, breksia polimik litik, metasedimen impak, granit impak dan kuarza impak (Hamzah *et al.*, 2012a; Nur Asikin, 2013).

Menurut Hamzah *et al.* (2012a) batuan leburan impak di Bukit Bunuh mengandungi 50% atau lebih matrik yang berbutir halus, sama ada dalam bentuk kaca atau kriptokristalin / mikrokristalin. Suevit pula mempunyai kandungan klasta lebih daripada 50%. Kajian melalui kaedah mikroskop menunjukkan suevit merupakan asalan batuan metasedimen dan granit yang mempunyai klasta polimik separa lebur. Batuan breksia polimik litik pula merupakan batuan impaktit yang mempunyai pecahan batuan yang tidak melebur yang telah tergumpal di dalam matrik berkaca / kriptokristalin. Batuan metasedimen pula sangat tumpat dengan struktur foliasinya masih terpelihara (Hamzah *et al.*, 2012a).

Hamzah *et al.* (2012b) juga merekodkan terdapat empat ciri yang boleh digunakan untuk membezakan sesuatu unit batuan sama ada daripada asalan volkanik atau impak meteorit. Ciri yang pertama ialah bentuk klasta yang terdapat di dalam batuan. Penghabluran klasta mineral bagi batuan volkano lazimnya mempunyai muka hablur yang lengkap atau hampir lengkap (butiran anhedron hingga subhedron). Namun batuan asalan impak di Bukit Bunuh pula menunjukkan kehadiran klasta mineral yang kurang dengan kehadiran muka hablur (anhedron). Hal ini kerana klasta tersebut merupakan sisa batuan yang telah melebur atau separa melebur yang lazimnya terdapat di dalam batuan leburan impak dan suevit di Bukit Bunuh.

Ciri yang kedua pula ialah wujudnya pembentukan bahan berkaca di antara butiran mineral yang membentuk batuan tersebut. Pembentukan tekstur ini mencadangkan bahawa bahan leburan berkaca ini terbentuk selepas batuan asalan telah mengeras. Tekstur ini lazimnya hadir di dalam batuan impaktit di Bukit Bunuh (Hamzah *et al.*, 2012b).

Ciri yang ketiga ialah berdasarkan perkembangan normal penghabluran mineral daripada magma, di mana matrik bagi batuan volkanik akan menjadi lebih kaya dengan elemen bagi mineral yang bersuhu rendah seperti ortoklas dan kuarza. Namun fenomena ini masih tidak jelas di dalam batuan impaktit dan hipotesis ini masih belum digunakan bagi batuan impaktit Bukit Bunuh (Hamzah *et al.*, 2012b).

Ciri yang keempat pula merupakan hasil daripada kajian geokimia terhadap batuan suevit dengan menggunakan analisis spektrometer sinar – X serakan tenaga (EDX, SEM). Hasil kajian menunjukkan kehadiran beberapa unsur nadir bumi (REE) seperti cerium (Ce) dan neodymium (Nd) pada kadar yang lebih tinggi berbanding kadar normal di dalam kerak bumi. Kajian ini menunjukkan unsur Ce dan Nd ini merupakan unsur berasal daripada luar bumi seperti asalan meteorit (Hamzah *et al.*, 2012b; Nur Asikin, 2013).

1.4.2.4 Morfologi kawah Bukit Bunuh

Kajian morfologi kawah Bukit Bunuh dilakukan melalui beberapa kaedah seperti kaedah geofizik, penggerudian teras gerudi, analisis lineamen, analisis sistem saliran, analisis topografi, analisis litologi dan analisis taburan struktur kon pecah.

Kajian geofizik melibatkan kaedah magnetik, graviti, keberintangan 2D dan seismik yang menunjukkan bukti kepada pembentukan struktur kawah impak dari segi lokasi sebenar, jenis kawah, diameter dan kedalaman kawah tersebut (Mohd Nawawi *et al.*, 2004, 2011; Khairul Ariffin *et al.*, 2010; Umar *et al.*, 2012; Abdul Rahim *et al.*,

2012; 2014; Rosli *et al.*, 2012a; 2012b; Nur Asikin, 2013; Rosli, 2016).

Menurut Rosli (2016) kajian geofizik yang dilakukan di Bukit Bunuh yang melibatkan kaedah magnetik, graviti, keberintangan 2D dan seismik secara umumnya menunjukkan kawasan kajian telah dibahagikan kepada dua subpermukaan tanah yang utama iaitu endapan aluvium yang bercampur dengan bongkah batuan dan batuan dasar yang berkedalaman 5 – 50 meter. Kajian melalui kaedah magnetik dan graviti menunjukkan terdapat dua zon utama di kawasan kajian iaitu zon dengan anomali yang tinggi (bernilai positif) dan zon dengan anomali yang rendah (bernilai negatif) yang mana zon dengan anomali yang tinggi ini merangkumi sebahagian besar daripada kawasan kajian dan zon dengan anomali yang rendah hanya terdapat pada satu bahagian sahaja di kawasan kajian ini. Selain itu, zon dengan anomali yang rendah ini telah dikelilingi oleh zon dengan anomali yang tinggi yang mana telah ditafsirkan sebagai struktur lingkaran bibir kawah.

Kajian melalui kaedah keberintangan 2D dan seismik pula menunjukkan terdapat dua zon utama di kawasan kajian iaitu endapan aluvium yang telah bercampur dengan bongkah batuan sebagai beban atas dan batuan dasar dengan kedalaman 5 – 50 meter. Batuan dasar yang didapati pada aras yang rendah telah dikelilingi oleh batuan dasar yang didapati pada aras yang tinggi yang mana telah ditafsirkan sebagai struktur lingkaran bibir kawah. Secara umumnya kesemua kaedah geofizik menunjukkan batuan dasar pada aras yang tinggi/ anomali yang tinggi (bibir kawah) telah terbentuk pada kawasan yang sama dengan beberapa bahagian kawasan yang mempunyai aras batuan dasar yang tinggi/ anomali tinggi di bahagian tengah kawasan kajian yang mana telah ditafsirkan sebagai pusat kawah (Rosli, 2016).

Menurut Zakaria *et al.* (2012) data teras lubang gerudi Bukit Bunuh menunjukkan ketebalan bahan yang telah terluluhawa dan terurai mempunyai ketebalan ~54 meter. Pada kedalaman lebih daripada 54 meter terdapat batuan hornfels kalk – silika yang mempunyai struktur retakan dan mengalami proses luluhawa yang pesat. Keadaan ini menunjukkan kawasan Bukit Bunuh pernah dikenakan tekanan yang sangat tinggi suatu ketika dahulu seperti daripada impak meteorit. Bahan yang terluluhawa dan terurai ini mungkin merupakan asalan batuan yang telah hancur dan separa melebur yang telah mengalami proses luluhawa aktif.

Menurut Nur Asikin (2013) bukti teras lubang gerudi di bahagian timur dan barat Bukit Bunuh yang digabungkan dengan data keberintangan geofizik mendapati bahagian permatang Bukit Bunuh mempunyai ciri-ciri tonjolan tengah kawah yang mana tonjolan ini merupakan batuan dasar yang ditindih oleh lapisan aluvium yang nipis. Selain itu, bahagian kiri dan kanan permatang ini pula terdiri daripada lapisan aluvium yang tebal yang menunjukkan bahawa bahagian ini merupakan lembangan kawah.

Nur Asikin (2013) juga menyatakan bukti litologi menunjukkan terdapat bilangan batuan impaktit seperti batuan leburan impak dan suevit yang banyak di bahagian permatang Bukit Bunuh dan bilangan batuan ini semakin berkurang apabila semakin menjauhi permatang tersebut. Ini menunjukkan permatang Bukit Bunuh merupakan pusat kawah impak. Bukti kon pecah pula adalah berdasarkan kedudukan struktur ini dijumpai iaitu di bahagian permatang Bukit Bunuh (tengah kawah) dan di bahagian luar Bukit Bunuh iaitu di bahagian barat daya dan timur laut Bukit Bunuh. Analisis sistem saliran dan sesar major di sekitar kawasan kajian pula menunjukkan

terdapat pola saliran jenis membulat dan memusat di kawasan Bukit Bunuh. Pola saliran ini tertumpu pada permatang Bukit Bunuh yang mana merupakan bahagian tengah kawah.

Analisis lineamen juga telah dilakukan di sekitar kawasan kajian oleh (Jeffrey *et al.*, 2011) dengan melakukan penelitian terhadap foto udara dan imej satelit. Hasil analisis mendapatkan terdapat lingkaran lineamen di sekitar kawasan kajian ini dan berpusat di Bukit Bunuh di mana lingkaran tersebut merupakan struktur sesar yang mungkin terbentuk akibat impak meteorit. Gabungan daripada kesemua analisis ini telah menunjukkan bukti kepada pembentukan morfologi struktur kawah di Bukit Bunuh di mana Bukit Bunuh sendiri sebagai pusat kawah (Nur Asikin, 2013).

1.4.2.5 Mineralogi

Menurut Wan Fuad *et al.* (2012) terdapat pembentukan mineral polimorf bertekanan tinggi asalan kuarza iaitu koesit dan stishovit di Bukit Bunuh dan kawasan sekitarnya. Mineral ini hanya boleh terbentuk pada mineral kuarza yang dikenakan tekanan dan suhu yang sangat tinggi seperti oleh impak meteorit. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan sampel mineral berat yang telah didulang di dalam sungai di sekitar kawasan kajian. Kehadiran mineral ini pula ditentukan dengan menggunakan kaedah mikroskop binokular dan teknik belauan sinar-X (XRD).

Terdapat juga kajian yang dijalankan pada batuan breksia polimik dengan menggunakan teknik XRD untuk menentukan kehadiran mineral polimorf bertekanan tinggi ini. Terdapat mineral koesit dan stishovit yang ditemui namun hadir dalam

kuantiti yang sangat rendah. Hal ini mungkin kerana mineral ini merupakan mineral metastabil yang tidak stabil pada suhu bilik dan kecenderungan untuk kembali semula kepada mineral kuarza adalah tinggi (Chopin, 1984; Ferrière *et al.*, 2009; Nur Asikin, 2013).

1.4.2.6 Struktur impak

Melalui kajian yang telah dilakukan terdapat beberapa struktur bukti impak yang ditemui di Bukit Bunuh dan kawasan sekitarnya seperti struktur kon pecah, PDF, PF, maskelinit, struktur jalur bengkok di dalam mineral dan struktur lamela deformasi metamorfik (MDL). Struktur-struktur ini ditemui di dalam bongkah suevit, batuan leburan impak dan granit impak yang terdapat di kawasan kajian (Anizan *et al.*, 2012; Nur Asikin, 2013).

Menurut Anizan *et al.* (2012) terdapat jumpaan kon pecah dengan struktur jaluran dan bertekstur ekor kuda (*horse tail*) yang bersaiz 12 cm pada singkapan batuan dan dalam bentuk pecahan yang bersaiz 2 – 7 cm di sekitar Bukit Bunuh. Kehadiran struktur kon pecah ini mencadangkan bahawa terletak di bahagian pusat dan bibir kawah impak. Mikrostruktur lamela yang halus dan bersaiz < 0.1 mm yang dikenali sebagai PDF pula dijumpai di dalam mineral yang terdapat di dalam bongkah batuan suevit dan leburan impak. Mikrostruktur PF pula mempunyai saiz yang lebih besar berbanding PDF iaitu bersaiz purata 0.2 – 0.5 mm yang dijumpai pada mineral kuarza dan feldspar di dalam batuan granit dan suevit. Struktur maskelinit pula menunjukkan fasa perubahan bahan berkaca yang dijumpai di dalam mineral plagioklas atau alkali feldspar di dalam batuan suevit, leburan impak dan granit. Struktur jalur bengkok di

dalam mineral menunjukkan perubahan pada padaman selari sesuatu mineral yang dijumpai di dalam mineral kuarza pada batuan granit dan suevit. Struktur MDL pula menunjukkan kehadiran jalur di dalam mineral kuarza pada batuan suevit.

1.4.2.7 Pentarikhan

Penentuan usia batuan dan tanah di Bukit Bunuh pula telah melibatkan beberapa teknik pentarikhan seperti OSL, FT, K – Ar, Ar – Ar dan U – Pb (Mokhtar, 2007; 2012b). Analisis pentarikhan ini telah dilakukan di makmal *Hiruzen Institute for Geology and Chronology, Okayama, Japan* (ESR dan K-Ar), *Geochronology Japan Inc., Japan* (FT), *Oregon State University Lab, USA* ($^{40}\text{Ar} - ^{39}\text{Ar}$) dan *Geochronology and Isotopic Geochemistry Lab, Canada* ($^{40}\text{Ar} - ^{39}\text{Ar}$ dan U – Pb) (Mokhtar, 2012b). Hasil pentarikhan di Bukit Bunuh ini telah memberikan usia antara ~305 hingga 1.34 juta tahun dahulu iaitu daripada kala masa Karbon hingga Kuaterner. Namun jumpaan alat batu dalam suevit telah mencadangkan bahawa usia impak meteorit yang berlaku di Bukit Bunuh tidak berkemungkinan lebih tua daripada zaman Kuaterner. Oleh itu berdasarkan kepada pentarikhan yang terkini usia impak meteorit di Bukit Bunuh ialah antara 1.34 – 1.84 juta tahun dahulu (Mokhtar, 2012b).

1.5 Isu dan masalah

Kajian terdahulu telah mendedahkan tiada data zirkon impak yang terdapat di Malaysia. Hal ini kerana kajian mengenai impak meteorit ini banyak difokuskan kepada kajian berdasarkan bukti impak yang disenaraikan oleh PASCC. Bukti impak yang telah ditemui di Bukit Bunuh adalah seperti pembentukan morfologi kawah

impak, kehadiran struktur impak seperti struktur kon pecah dan mikrostruktur PF dan PDF di dalam mineral, kehadiran mineral polimorf bertekanan tinggi seperti koesit dan stishovit, kehadiran batuan leburan impak dan suevit serta kehadiran pseudotakilit dan breksia impak.

Kajian terdahulu juga menunjukkan pentarikhan U – Pb terhadap zirkon di kawasan kajian masih pada peringkat awal dan masih tiada julat usia pada zaman Kuaterner yang ditemui. Hal ini kerana zirkon yang digunakan merupakan zirkon separa lebur yang memberi usia pentarikhan bagi pembentukan batuan di sekitar kawasan kajian terutamanya batuan granit yang berusia ~ 220 – 230 juta tahun dahulu iaitu di dalam kala masa Trias. Zirkon yang diperlukan untuk pentarikhan ini adalah zirkon terimpak dan melebur sepenuhnya. Zirkon impak hadir dengan beberapa ciri seperti terdapat mikrostruktur PF, PDF, kehadiran mineral reidit dan zirkon impak bertekstur granular.

Hasil kajian terdahulu juga menunjukkan data pentarikhan terhadap bahan impak dan kaedah yang digunakan masih sedikit bagi kawasan kajian ini. Sampel batuan impaktit yang telah digunakan untuk analisis pentarikhan ialah kuarza impak dan suevit. Teknik pentarikhan yang telah digunakan ialah ESR bagi kuarza dan FT, K – Ar, Ar – Ar dan U – Pb bagi batuan suevit. Namun hanya teknik pentarikhan ESR terhadap kuarza dan FT terhadap zirkon di dalam batuan suevit sahaja yang memberikan julat usia yang dicari iaitu usia di dalam kala masa Kuaterner (1.34 – 1.84 juta tahun dahulu).

1.6 Tujuan

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti cirian fizikal dan kimia zirkon di Bukit Bunuh, Lenggong, Perak dan kawasan sekitarnya.
2. Mendokumentasikan sifat-sifat fizikal zirkon impak di kawasan impak meteorit di Bukit Bunuh, Lenggong, Perak dan kawasan sekitarnya.
3. Menentukan pentarikhan zirkon impak di Bukit Bunuh, Lenggong, Perak

1.7 Metod kajian

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan 90 sampel mineral berat yang didulang di sekitar kawasan Lenggong dan 10 sampel zirkon yang diekstrak daripada batuan impaktit yang diambil di sekitar Bukit Bunuh. Sampel-sampel ini dianalisis dengan menggunakan kaedah pemisah graviti dengan menggunakan cecair berat, kaedah pemisah magnet isodinamik, mikroskop optik, teknik belau sinar – X (XRD), teknik pendaflour sinar-X (XRF) dan mikroskop elektron imbasan (SEM) serta analisis pentarikhan dengan menggunakan teknik U – Pb.

Metod yang digunakan di dalam kajian ini ialah persampelan di lapangan dan analisis makmal. Kajian ini melibatkan dua kaedah untuk mendapatkan sampel iaitu mengekstrak zirkon daripada sampel mineral berat dan sampel batuan impaktit. Bagi sampel mineral berat metodologi yang digunakan ialah survei dan pemetaan, mendulang, memisah mineral berat dengan kaedah graviti, penggunaan pemisah magnetik isodinamik, pemilihan tangan dan penggunaan SEM serta pentarikhan U – Pb. Bagi batuan impaktit pula metodologi yang digunakan ialah penyerbukan,

pengayakan basah, mendulang, pemisah mineral berat oleh graviti, pemisah magnetik isodinamik, pemilihan tangan, SEM dan pentarikhan U – Pb. Teknik XRD dan XRF digunakan untuk menentukan kehadiran zirkon di dalam sampel mineral berat serta teknik petrografi pula digunakan untuk menentukan kehadiran zirkon di dalam batuan impaktit (Rajah 1.5).

1.8 Skop kajian

Kajian ini meliputi Bukit Bunuh dan kawasan sekitarnya. Pemetaan dan persampelan dilakukan untuk mengekstrak mineral berat daripada sedimen sungai dan batuan impaktit di sekitar kawasan kajian. Namun kajian ini tidak melibatkan taburan kepekatan mineral berat di sesuatu lokaliti. Kajian ini juga hanya difokuskan kepada penggunaan mineral zirkon sebagai sampel untuk analisis pentarikhan tanpa melibatkan sampel jenis mineral yang lain. Selain itu kajian ini juga hanya difokuskan kepada satu teknik pentarikhan iaitu U – Pb tanpa melibatkan teknik-teknik pentarikhan yang lain seperti Ar – Ar, K – Ar, OSL, FT dan sebagainya.

1.9 Rumusan bab

Secara umumnya kajian ini adalah merupakan satu lagi kaedah tambahan pembuktian adanya kejadian hentaman meteorit di Bukit Bunuh. Kaedah penggunaan mineral zirkon terimpak ini juga dikaitkan dengan pentarikhan tapak. Bab berikutnya akan membincangkan tentang tapak-tapak impak meteorit dunia yang telah diiktiraf oleh PASSC yang memberi usia pentarikhan dengan menggunakan mineral zirkon serta bukti mikrostruktur impak yang terbentuk pada zirkon tersebut. Bab 3 pula akan